

ARKIB : 01/06/2007

## Banyakkan institut latihan guru

Oleh: RAJMAH HASAN

KUALA TERENGGANU 31 Mei – Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC) mencadangkan supaya Institut Aminuddin Baki (IAB) yang menyediakan latihan keguruan diperbanyakkan lagi selaras dengan pelaksanaan Standard Guru Malaysia (SGM) dalam usaha memperkasakan bidang keguruan di negara ini.

Pengerusi Sektor Pendidikan BNBBC, Datuk Razali Idris berkata, pada masa ini hanya terdapat dua IAB di seluruh negara iaitu di Seri Layang, Genting Highlands serta di Jitra, Kedah dan ia tidak mencukupi untuk menampung keperluan latihan 339,882 guru yang merupakan tenaga perkhidmatan awam terbesar di negara ini.

Menurutnya, IAB perlu diperbanyakkan bagi memastikan guru-guru di seluruh negara diberikan latihan keguruan yang berterusan dalam usaha melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Untuk tujuan itu, beliau mencadangkan supaya Bajet 2008 turut memberi penekanan ke arah menambah bilangan IAB di seluruh negara.

“ Saya cadangkan agar IAB itu diwujudkan di setiap zon termasuk di Sabah dan Sarawak kerana dengan adanya lebih banyak institut berkenaan, maka latihan-latihan yang berterusan dan sistematis dapat diberikan kepada guru-guru yang masih dalam perkhidmatan.

“ Peranan IAB yang memberikan latihan kepada guru dalam perkhidmatan perlu dipertingkatkan di samping peruntukan tambahan dalam Bajet 2008 dapat memberi keutamaan kepada IAB untuk meningkatkan infrastruktur serta kemudahan di institut berkenaan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Kementerian Pelajaran yang akan memperkenalkan Standard Guru Malaysia (SGM) bulan depan dalam usaha meningkatkan tahap pengajaran 339,882 guru di negara ini.

Kelmarin Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, SGM itu adalah bagi memastikan semua latihan keguruan yang dijalankan oleh institusi pendidikan dalam dan luar negara memenuhi piawaian bagi melahirkan guru-guru untuk sistem pendidikan Malaysia.

Razali turut melihat IAB boleh memainkan peranan yang sama seperti Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) yang memberikan latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan lain.

“ Logik jika IAB diperbanyak kerana pada pandangan saya, dua buah IAB yang ada ketika ini tidak mencukupi untuk menampung jumlah guru yang begitu ramai,” ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau yang juga Anggota Parlimen Kuala Terengganu berkata, Institut Pendidikan Guru (IPG) yang memberikan latihan guru dalam pra-perkhidmatan juga perlu diperkasakan dalam usaha membantu sistem pendidikan negara mencapai tahap terbaik di dunia.

Beliau juga mencadangkan agar pemilihan bakal guru itu dibuat dengan begitu rapi bagi memastikan mereka yang ingin menceburi kerjaya tersebut benar-benar berkualiti dan dedikasi.

“ Saya juga berharap IPG ini dapat memainkan peranan lebih berkesan dalam menghasilkan penulisan, penemuan atau kaedah pengajaran baru yang lebih baik supaya tahap guru yang diperlukan di setiap sekolah adalah sesuai dengan kemahiran dan keupayaan mereka,” katanya.

Razali turut mencadangkan agar Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan Institut Pengajian Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) untuk melakukan kajian berhubung profesi guru termasuk mengenai tanggapan masyarakat terhadap mereka serta tanggapan guru tentang profesi mereka.

Artikel Penuh:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0601&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm#ixzz2vEmVmRto](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0601&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm#ixzz2vEmVmRto)

© Utusan Melayu (M) Bhd